



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : KKM.600-27/9/5 Jld.3 (2)

Tarikh : 22 Mac 2024

SENARAI EDARAN

*YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/
Datin/ Tuan/ Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL:.....³..... /2024
: PENINGKATAN KEISTIMEWAAN PENDERMA DARAH DI FASILITI KESIHATAN
(HOSPITAL, INSTITUSI DAN KLINIK KESIHATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai peningkatan keistimewaan yang diberi kepada penderma darah di semua fasiliti kesihatan (Hospital, Institusi dan Klinik Kesihatan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Perkhidmatan Perubatan Transfusi di Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab dalam memastikan aksesibiliti dan ketersediaan produk darah yang selamat dan berkualiti untuk penggunaan darah yang tepat serta menyediakan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan transfusi darah di negara ini.

2.2 Darah dan komponen darah merupakan produk terapeutik yang penting dalam perawatan pesakit dan sehingga kini belum ada bahan sintetik yang boleh menggantikan sepenuhnya. Pentingnya bekalan darah yang mencukupi, selamat, dan berkualiti tidak dapat dinafikan, terutama dalam menyelamatkan nyawa pesakit yang terlibat dalam pelbagai keadaan seperti kemalangan, pendarahan semasa bersalin, penyakit kronik seperti talassemia atau kegagalan buah pinggang, pesakit yang menjalani pembedahan kompleks, pesakit kanser dan sebagainya.

- 2.3 Malaysia merupakan antara 70 negara di dunia yang berjaya mengamalkan pendermaan darah 100% secara sukarela tanpa berbayar (*voluntary non-remunerated blood donation*) selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- 2.4 Di samping itu, Malaysia mencatatkan peningkatan yang signifikan dalam jumlah pendermaan darah dari tahun 2007 hingga 2019, namun pandemik COVID-19 pada tahun 2020 mengakibatkan penurunan signifikan dalam kutipan darah, menekankan perlunya strategi baru untuk memastikan bekalan darah yang mencukupi untuk perawatan pesakit.
- 2.5 Perkhidmatan Perubatan Transfusi perlu menyasarkan kadar pendermaan darah sebanyak 40 per 1000 populasi penduduk bagi memenuhi keperluan negara agar mencapai status *self-sufficiency*. Ini akan mencerminkan keberhasilan sistem kesihatan negara dalam memastikan penghasilan bahan terapeutik berasaskan plasma dan juga produk darah yang lain sentiasa mencukupi untuk kegunaan pesakit tanpa perlu bergantung kepada sumber dari negara luar.
- 2.6 Pelbagai strategi dan aktiviti promosi tentang pendermaan darah telah dijalankan oleh Perkhidmatan Perubatan Transfusi, KKM bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan pendermaan darah dan seterusnya membantu meningkatkan jumlah kutipan darah.
- 2.7 Matlamat dan sasaran KKM dalam bidang perubatan pasti akan tercapai dengan keberadaan sistem Perkhidmatan Transfusi Darah yang terancang, efisien, dan berkualiti tinggi, serta dengan sokongan yang gigih dari penderma darah yang telah berdedikasi menyumbangkan darah mereka selama ini.
- 2.8 Demi memenuhi matlamat dan sasaran ini serta menghargai sumbangan para penderma darah, Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) bil. 3/2022 yang telah bermesyuarat pada 15 Disember 2022 telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan keistimewaan penderma darah seperti di para 3.0

3.0 PENINGKATAN KEISTIMEWAAN

- 3.1 Peningkatan keistimewaan ini meliputi 3 aspek utama iaitu peruntukan kadar persegaran, tempoh kelayakan rawatan percuma dan pengecualian caj rawatan.
- 3.1.1 Peningkatan keistimewaan pertama ialah peningkatan peruntukan untuk kadar persegaran daripada **RM 5.00 seorang kepada RM12.00 seorang**. (Peruntukan sedia ada iaitu RM 5.00 seorang adalah kadar yang telah dipersetujui pada tahun 2005).

- 3.1.2 Peningkatan keistimewaan kedua ialah penderma darah warganegara Malaysia yang menderma darah utuh dan apheresis sebanyak 1-5 kali layak mendapat percuma rawatan pesakit luar **termasuk rawatan pergigian** dan rawatan perubatan dan wad kelas dua untuk tempoh 4 bulan **termasuk bayaran X-ray dan pembedahan**. Selain itu, penambahan kategori keistimewaan bagi penderma darah sebanyak **76-100 kali iaitu layak mendapat percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas satu untuk tempoh 15 tahun dan wad kelas dua seumur hidup selepas 15 tahun di wad kelas satu**. Bagi penderma darah menderma **melebihi 100 kali layak mendapat percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas satu untuk tempoh 20 tahun dan wad kelas dua seumur hidup selepas 20 tahun di wad kelas satu**. (Jadual keistimewaan rawatan penderma darah di fasiliti kesihatan yang telah dipertingkatkan adalah seperti di **Lampiran 1**).
- 3.1.3 Peningkatan keistimewaan ketiga ialah pewujudan keistimewaan **pengecualian caj bagi penderma darah berstatus warganegara asing dan permastautin tetap (PR) yang mengalami *adverse donor reaction* (ADR) semasa atau selepas pendermaan darah**.

4.0 TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 5 tahun 2005 bertarikh 20 Julai 2005 adalah **dibatalkan**.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan peningkatan keistimewaan penderma darah ini boleh dikemukakan kepada pegawai bertanggungjawab:

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Unit Perkhidmatan Sokongan Klinikal
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia.
No tel : 03-88831156

7.0 PENUTUP

YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen daripada semua profesional dan anggota kesihatan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k : Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)

Pengarah, Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
3. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
4. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
7. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
8. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
9. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
10. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
11. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
12. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
13. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
14. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

15. Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
16. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
17. Pengarah
Institut Kanser Negara

Lampiran 1

Jadual Keistimewaan Rawatan Penderma Darah di Fasilitas Kesehatan (Hospital, Institusi dan Klinik Kesehatan), Kementerian Kesehatan Malaysia

KEKERAPAN MENDERMA	KEISTIMEWAAN RAWATAN
1-5 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas dua untuk tempoh 4 bulan.
2 kali (dalam tempoh 12 bulan)	Percuma suntikan pencegahan Hepatitis B.
6 – 10 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas dua selama tempoh 6 bulan.
11 – 15 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas dua selama tempoh 12 bulan.
16 – 20 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas dua untuk tempoh 24 bulan.
21 – 30 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas dua untuk tempoh 3 tahun.
31 – 40 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas satu untuk tempoh 4 tahun.
41 – 50 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas satu untuk tempoh 6 tahun.
51 -75 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas satu untuk tempoh 10 tahun dan wad kelas dua seumur hidup selepas 10 tahun di wad kelas satu.
76 -100 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas satu untuk tempoh 15 tahun dan wad kelas dua seumur hidup selepas 15 tahun di wad kelas satu.
Lebih 100 kali	Percuma rawatan pesakit luar termasuk rawatan pergigian dan rawatan perubatan di wad kelas satu untuk tempoh 20 tahun dan wad kelas dua seumur hidup selepas 20 tahun di wad kelas satu.

* Kelayakan seorang penderma darah yang layak mendapat keistimewaan rawatan perubatan di wad tertentu mengikut bilangan pendermaan adalah **tertakluk kepada kekosongan katil atau wad**.